

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1988/89

**EPU 201 JURUTERA DALAM MASYARAKAT I**

Tarikh: 27 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 4.15 petang  
(2 jam)

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi EMPAT (4) mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab mana-mana EMPAT soalan. Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 25 markah.

1. Negara-negara dunia "Ketiga" biasanya menghantar pelajar-pelajar mereka ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran supaya selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

Bincangkan kebaikan-kebaikan dan kelemahan-kelemahan bagi pendidikan dan latihan di luar negeri, dari sudut pandangan pelajar-pelajar tersebut dan juga negara-negara dunia "Ketiga" yang berkaitan.

2. Kebanyakan negara-negara dunia "Ketiga" percaya, tanpa teknologi komputer dan maklumat, jurang teknologi di antara negara-negara dunia "Pertama" dan "Ketiga" tidak boleh ditutup.

Bincangkan kenyataan ini dan terangkan faedah-faedah serta masalah-masalah yang mungkin timbul dari pengenalan teknologi komputer dan maklumat secara mendadak ke negara-negara dunia ketiga.

3. Andaikan bahawa anda adalah seorang jurutera professional yang bertanggungjawab terhadap suatu projek yang penting.

Suatu mesyuarat awam akan diadakan di mana para hadirin dijangka akan menentang projek tersebut di atas sebab-sebab sosial dan alam sekitar. Anda dikehendaki menyampaikan kes projek itu semasa mesyuarat tersebut.

Senaraikan strategi anda dalam menyedia dan membentangkan kes tersebut.

4. Jadual S4 yang berikut menunjukkan bilangan pelajar dan graduan-graduan dari Institusi-Institusi tempatan untuk tahun 1980-1990. Anda telah diminta untuk menulis sebuah rencana bagi suatu jurnal professional yang menerangkan kepentingan data berkenaan dan kaitannya dengan ekonomi negara.

Kursus	Bilangan Pelajar		
	1980	1985	1990
Sastera (%)	9,727 (48.6)	17,121 (50.0)	27,476 (48.7)
Sains (%)	8,046 (40.2)	12,505 (36.4)	17,748 (31.5)
Teknik (%)	2,245 (11.2)	4,674 (13.6)	11,134 (19.8)
Jumlah (%)	20,018 (100.0)	34,300 (100.0)	56,358 (100.0)

Jadual S4

Rangkakan rencana anda dengan tajuk-tajuk kecil bagi setiap bahagian, nota penerangan ringkas dan gambarajah yang sesuai. (Jawapan ini memerlukan anda menulis rangkanya sahaja dan bukan rencana penuh).

5. Takrifkan Kajian Kerja. Terangkan komponen-komponen utama Kajian Kaedah dan mengapa ianya penting dalam pengurusan kejuruteraan.

6. Profession kejuruteraan memerlukan taraf dan kedudukan yang lebih baik di dalam masyarakat.

Bagaimakah jurutera-jurutera boleh memperbaiki taraf profession kejuruteraan di tempat-tempat kerja dan di dalam masyarakat.

oooSooo